

Indonesia mohon kredit beras

7 NOV 1999

Oleh GAMAL NASIR
MOHD. ALI

KUALA LUMPUR 6 Nov. — Indonesia hari ini memohon daripada Malaysia untuk mendapatkan kredit beras bernilai AS\$200 juta (RM760 juta), selepas Kuala Lumpur menyediakan kredit beras bernilai AS\$100 juta (RM380 juta) sebelum ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, rancangan untuk memajukan lagi kredit beras sebanyak AS\$200 juta tersebut perlu dirundingkan dengan Petronas memandangkan syarikat minyak negara itu yang telah menyediakan kredit tukaran asing AS\$100 juta terdahulu.

"Petronas sebelum ini telah menyediakan kredit tukaran asing yang membolehkan Indonesia membeli beras selepas negara itu mengalami kekurangan bekalan beras ekoran krisis ekonomi dan bencana alam yang melanda negara itu.

"Keputusan memajukan lagi kredit beras itu keputusan Petronas. Tetapi sebagai kerajaan, kita menyarankan kepada Petronas agar menilai permintaan ini," jelas Syed Hamid dalam sidang akhbar lewat petang ini.

Terdahulu, Syed Hamid mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengadakan rundingan dua hala dengan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid.

Abdurrahman, yang turut dikenali sebagai Gus Dur, berada di Kuala Lumpur dalam rangka lawatan kerja singkat selepas beliau dilantik menjadi Presiden Indonesia yang baru pada bulan lepas.

Rombongan Gus Dur seramai lebih 40 orang itu, yang

turut disertai oleh Menteri Luar, Alwi Abdurrahman Shihab, tiba di sini petang ini selepas melakukan lawatan yang sama ke Singapura.

Di dalam pertemuan tersebut, Syed Hamid memberitahu, Abdurrahman dan Dr. Mahathir telah mengadakan perbincangan yang mesra dan terbuka mengenai isu dua hala dan serantau.

"Pertemuan tersebut adalah satu permulaan yang baik dan Perdana Menteri mengalu-alukan lawatan ini," ujar Menteri Luar.

Beliau berkata, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk meneruskan pertemuan yang kerap diadakan di antara mereka bagi meningkatkan lagi hubungan negara dan sesama mereka.

Ditanya sama ada isu pekerja asing dibangkitkan di dalam pertemuan tersebut, Syed Hamid berkata, Jakarta memahami hambatan Kuala Lumpur dalam mengambil lebih banyak pekerja asing dari negara itu.

"Sudah terdapat lebih dua juta pekerja asing dari Indonesia di sini. Oleh itu perkara tersebut tidak dibangkitkan dalam perbincangan kali ini," tambahnya.

Menyentuh soal Aceh pula, Syed Hamid berkata, kedua-dua pemimpin telah dapat mengadakan pertukaran pendapat yang positif di dalam isu berkenaan.

"Kalau dulu kita sama-sama mengambil pendirian tidak campur tangan dalam isu Aceh, kini pemerintah Indonesia bersedia untuk

bertukar-tukar pendapat dalam usaha mereka mencari penyelesaian dan mencapai penyatuan semula," jelasnya.

Sebelum mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri, Abdurrahman menghadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara sejurus selepas tiba.

Malam ini, Abdurrahman dan Dr. Mahathir menghadiri satu majlis makan malam bagi meraikan kedatangan Presiden Indonesia yang keempat itu.

Awal pagi esok, Gus Dur akan berlepas ke Myanmar bagi meneruskan siri lawatannya ke negara-negara anggota ASEAN.